

NO SOALAN :45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
(STAMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.05.2015

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semenjak GST dilaksanakan, jumlah pendapatan daripada GST yang telah di kumpul sebelum potongan kos di negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan menjangkakan anggaran kutipan hasil GST bagi tahun 2015 untuk tempoh 9 bulan selepas pelaksanaan GST pada 1 April 2015 adalah sebanyak 23.2 bilion.

Namun, setelah mengambil kira barang tambahan yang dikenakan GST kadar sifar serta pelepasan GST ke atas jualan runcit produk petroleum RON95, diesel dan gas petroleum cecair yang melibatkan kehilangan hasil sebanyak 3.8 bilion ringgit, pakej bantuan cukai dan bukan cukai, contohnya tambahan BR1M berjumlah 4.9 bilion ringgit serta kehilangan hasil SST bagi tempoh tersebut sebanyak 13.8 bilion ringgit, hasil tambahan bersih bagi tempoh April hingga Disember 2015 dianggarkan sebanyak 690 juta ringgit sahaja.

Pihak Kerajaan masih belum boleh menyatakan anggaran pendapatan terkini dari pelaksanaan GST. Ini adalah kerana tempoh bercukai bulanan bagi perniagaan yang mempunyai pendapatan tahunan melebihi lima juta ringgit, mereka perlu untuk menghantar penyata GST-03 sebelum atau pada hari terakhir bulan berikutnya. Manakala bagi perniagaan yang memperolehi pendapatan tahunan kurang daripada lima juta ringgit, mereka perlu menghantar penyata hasil untuk tempoh tiga bulan dan tarikh akhir penghantaran penyata berkaitan ialah pada hari terakhir bulan berikutnya. Sehubungan dengan itu, kutipan hasil GST bagi kedua-dua tempoh bercukai bagi bulan April, Mei dan Jun hanya akan dapat dimuktamadkan selepas 31 Julai 2015.